

Headline	Jangan pandang remeh sijil halal		
MediaTitle	Sinar Harian (Utara)		
Date	09 Apr 2012	Color	Black/white
Section	NEWS	Circulation	60,000
Page No	u5	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	141 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 564
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,692



Jangan pandang remeh sijil halal

GEORGETOWN - Usahawan Bumiputera diingatkan tidak memandang ringan terhadap pemilikan sijil halal dalam pengeluaran sesuatu produk.

Ini kerana hasil kajian Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) mendapati hanya 25 peratus daripada 7,000 pemegang sijil halal adalah pengusaha Islam dan selebihnya adalah bukan Islam.

Pengurus Besar Institut Pembangunan Pengurusan Johor (IPPI) Sdn Bhd, Zamri Norani berkata, jumlah itu menunjukkan kurangnya kesedaran mengenai kepentingan sijil itu dan sikap ambil mudah pengusaha Islam.

Beliau berkata, perangkaan itu cukup mengecewakan kerana walaupun kira-kira 60 peratus penduduk negara ini beragama Islam dan sijil halal Malaysia mendapat pengiktirafan dunia namun ia hanya dipandang remeh oleh usahawan Bumiputera.

Menurutnya, kerajaan melalui Jakim sudah memudahkan permohonan pendaftaran sijil halal secara atas talian bagi mempercepatkan proses mendapatkan pengesahan itu.

"Kita masih belum hebat dari segi pengeluaran produk halal dan ia perlu ditangani segera oleh usahawan Islam di negara ini. Bahkan, Thailand lebih ke hadapan dari segi

pengeluaran produk halal.

"Selain kurangnya kesedaran, mereka berasa tidak perlu mendapatkan sijil halal kerana menjadi orang Islam sedangkan ia diperlukan apabila hendak memasarkan produk ke luar negara termasuk negara Islam seperti Arab Saudi," katanya kepada media ketika ditemui selepas majlis perasmian Seminar Keusahawanan dan Kepenggunaan Halal Pulau Pinang 2012 di Universiti Sains Malaysia (USM) di sini, awal minggu lalu.

Majlis dirasmikan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) USM, Prof Asma Ismail. Hadir sama, Pengurus Besar Pusat Urus Zakat (PUZ), Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Dr Azman Samad.

Dalam pada itu, Zamri berkata, ketika ini, pencapaian Malaysia dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta logistik adalah antara yang terbaik.

"Ketika ini, sijil halal yang dikeluarkan Jakim mendapat pengiktirafan dunia terutama dengan status negara yang cukup terkemuka dalam Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) menyebabkan kebanyakan negara Islam tidak ragu-ragu dengan barangan yang mempunyai logo halal negara ini," katanya.